



اونیورسٹی ملیسیا فهغ
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

**PENGUMUMAN RASMI
BILANGAN 4 TAHUN 2021**

**PENANGGUHAN SESI KULIAH DAN AKTIVITI AKADEMIK SECARA BERSEMUKA
DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, KAMPUS GAMBANG**

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

Selaras dengan Pekeliling Pentadbiran Bil. 11 Tahun 2021 yang dikeluarkan pada 12 November 2021 oleh Jabatan Pendaftar dan ketetapan Mesyuarat Jawatankuasa *TaskForce Pengurusan Pelajar* Bil. 20/2021 bertarikh 12 November 2021 berkenaan pelaksanaan **Kawalan Diperketatkan dan Larangan Keluar Masuk Pelajar (KDLKMP)** mulai 13 November 2021 hingga 26 November 2021 susulan penularan wabak Pandemik COVID-19 di UMP, Kampus Gambang.

2. Pihak Pengurusan Universiti telah bersetuju membuat penetapan seperti berikut bagi pengoperasian akademik di Universiti Malaysia Pahang.
 - i. Sesi kuliah, penyelidikan dan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka di UMP, Kampus Gambang bagi penggunaan bilik kuliah, dewan kuliah, makmal dan kerja-kerja di lapangan bagi staf akademik dan pelajar yang terlibat adalah **DITANGGUHKAN** mulai 13 November 2021 sehingga 26 November 2021. Bagi staf akademik dan pelajar yang terlibat dalam penangguhan ini, aktiviti PdP akan dijalankan secara dalam talian sepenuhnya sepanjang tempoh penangguhan ini berlangsung.
 - ii. Sesi kuliah, penyelidikan dan aktiviti PdP di UMP Pekan adalah **BERJALAN SEPERTI BIASA** sama ada secara bersemuka ataupun secara dalam talian dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Universiti.
 - iii. Aktiviti penyelidikan dan penggunaan makmal di **UMP, Kampus Gambang** adalah **TIDAK DIBENARKAN** bagi semua pelajar Prasiswazah dan pelajar Pascasiswazah. Walaubagaimanapun, aktiviti projek tahun akhir (pelajar Prasiswazah) dan penyelidikan (pelajar Pascasiswazah) yang benar-benar perlu dan memerlukan keberadaan di makmal seperti kebenaran untuk menyimpan sampel, mengemas stesen ujikaji, menutup suis instrumen dan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemudarat dan keselamatan jika

tidak dibuat sepanjang KDLKMP, ianya boleh dipertimbangkan setelah berbincang dan mendapat kelulusan khas daripada Dekan Kolej/Fakulti/Pusat masing-masing.

3. Pihak Pengurusan Universiti juga telah bersetuju untuk menstrukturkan semula **Cuti Pertengahan Semester 1, 2021/2022** dari **27 November 2021 (Sabtu) hingga 5 Disember 2021 (Ahad)** kepada **20 November 2021 (Sabtu) hingga 28 November 2021 (Ahad)**.

4. Sebarang permasalahan dari segi akademik, pelajar boleh berhubung terus dengan penasihat akademik, pensyarah kursus dan pihak pentadbiran fakulti masing-masing bagi mendapatkan khidmat nasihat dan bantuan yang sewajarnya.

5. Pihak Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA) ingin mengingatkan agar semua pelajar dan warga Universiti sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi mencegah dan memutuskan penularan COVID-19 di kalangan warga Universiti khususnya dan rakyat Malaysia secara amnya.

Sekian, harap maklum.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"Teknologi untuk masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah.

(PROFESOR TS. DR. MOHD ROSLI BIN HAININ)

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Tarikh: 13 November 2021

Bil. 4/2021

s.k

Yang Menjalankan Tugas Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pendaftar | Ketua Pegawai Operasi

Bendahari | Ketua Pegawai Kewangan

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan Kanan | Dekan | Pengarah | Ketua Jabatan

Semua Staf Akademik dan Pentadbiran